

**Parlimen: Pembinaan Jalan Raya Ba'Kelalan Ke Bario Mula Bulan Depan, Siap 2014**  
**Bernama**  
**27 September, 2012**

KUALA LUMPUR, 27 Sept (Bernama) -- Projek pembinaan jalan raya di bawah Projek Jiwa Murni bernilai RM42 juta meliputi jarak 40 kilometer dari kawasan pergunungan Ba'Kelalan ke Bario akan dimulakan pada 1 Okt ini.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata kerja pembinaan jalan dan penaikan taraf dari Ba'Kelalan ke sempadan Kalimantan itu dijangka siap pada 30 Sept 2014.

"Anggota Regimen Askar Jurutera Diraja serta jentera-jentera berat telah pun berada di Ba'Kelalan.

"Projek ini adalah di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan yang merupakan kesinambungan Projek Jiwa Murni menaik taraf jalan dari Long Lopeng ke Ba'Kelalan sepanjang 75km yang siap pada 30 Sept tahun lepas," katanya menjawab soalan Datuk Henry Sum Agong (BN-Lawas) di Dewan Rakyat, di sini Khamis.

Apabila siap kelak, Ahmad Zahid berkata penduduk di sempadan bukan sahaja menikmati kemudahan jalan yang lebih selesa tetapi juga akan menerima impak ekonomi dan sosial lebih baik.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=697692>